

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----|-----------------------|---|------------------------------------|
| 1.1 | Jawatan/ Gred | : | Pegawai Penyelidik Sosial Gred N44 |
| 1.2 | Kementerian/Jabatan | : | Parlimen Malaysia |
| 1.3 | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Dan Profesional |
| 1.4 | Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| 1.5 | Bilangan Kekosongan | : | 7 |

2. **GREDDAN JADUAL GAJI** : RM3,551.00 – RM10,406.00 (Gred N44)

3. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia.
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada 28 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3.3 Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan (Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa dan lain-lain bidang yang berkaitan) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 3.4 Mempunyai pengalaman tidak kurang daripada 5 tahun dalam bidang penyelidikan Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa dan lain-lain bidang yang berkaitan serta juga pernah menerbitkan/ menulis apa-apa jurnal atau hasil penyelidikan.
- 3.5 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 3.6 Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office* dan perisian-perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan.

- 3.7 Keutamaan akan diberikan kepada calon fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.
- 3.8 Telah lengkap divaksin.

4. CARA-CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 4.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan), *resume*, salinan *MyKad*, salinan sijil kelahiran, salinan kelulusan akademik, salinan sijil berhenti sekolah, jurnal/ hasil penyelidikan (wajib) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 ke atas).
- 4.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
BANGUNAN PARLIMEN, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P.: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 NOV 2022 (ISNIN)

Tarikh Iklan : 7 NOV 2022

Catatan Am:

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Saimunira Binti Mohd Sidek (+603-2603-6886) dan Puan Faizatul Fazrin Binti Badrul Hisham (+603-2603-6883).